

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : SURAU AL-AKHLAQIAH DAN KAFA INTEGRASI PINANG TUNGGAL**

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status sebenar Surau Al-Akhlaqiah, Pinang Tunggal, PJS1 Petaling Jaya?
- b) Adakah tapak surau itu diwartakan sebagai surau?
- c) Adakah surau tersebut boleh dibuat ubahsuai tanpa kebenaran Pejabat Agama Islam Daerah?

**JAWAPAN:**

- a) Surau tersebut berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Selangor No. pendaftaran JAI. SEL.PAIDP(PJ) 03/002/16.
- b) Surau tersebut belum diwartakan dan UPMD telah berbincang dengan Unit Pembangunan JAIS untuk mewartakan tanah tersebut kerana Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling telah mengeluarkan surat no rujukan Bil(10)d/m.08/03/PB01/118/102003 mendapati tapak tersebut telah ditandakan sebagai tapak surau gantian dan perlu diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor.
- c) Semua ubahsuai yang melibatkan struktur utama bangunan perlu mendapat kebenaran daripada Jabatan..Untuk tahun 2019 tiada permohonan drpd surau tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN LOOK UP POINT BUKIT AMPANG**

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca masih belum terdapat sebarang pembangunan bagi kawasan Look-Up Point Bukit Ampang yang mempunyai potensi tarikan pelancongan?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini, Jawatankuasa Penilaian *Request For Proposal* (RFP) yang diurusetikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) yang telah ditubuhkan bagi menyediakan dokumen RFP untuk ditawarkan kepada mana-mana syarikat/agensi/individu yang berminat untuk membangunkan Ampang Look Out Point melalui kaedah kerjasama atau perkongsian pintar iaitu *Public Private Partnership* (PPP). Jawatankuasa Penilaian *Request For Proposal* (RFP) akan membentangkan satu Kertas Ringkasan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bagi melantik pengurus projek untuk yang akan bertanggungjawab menguruskan tender secara RFP dan seterusnya membangunkan semula Ampang Look Out Point (ALOP).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : VAKSINASI ORANG ASLI**

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah dan peratusan kanak-kanak Orang Asli di Selangor yang telah mendapat vaksinasi mandatori untuk penyakit seperti (a) campak (b) polio (c) diphteria (c) dan lain-lain.
- b) Berapa jumlah dan peratusan Orang Asli dewasa yang telah mendapat vaksinasi seperti yang diatas?

**JAWAPAN:**

- a) Berapa jumlah dan peratusan kanak-kanak Orang Asli di Selangor yang telah mendapat vaksinasi mandatori untuk penyakit seperti a)Campak b)Polio c)Difteria dan lain-lain:

Jawapan : Bilangan kanak-kanak Orang Asli di Selangor yang telah mendapat vaksinasi bagi tahun 2018 adalah seperti berikut :

Daerah	Anggaran Kelahiran Hidup	BCG		DTaP/IPV/HiB Dos 3		MMR 9 Bulan		Hep B Dos 3	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Petaling	29	25	100	25	86	24	83	33	100
Hulu Langat	66	63	100	76	100	72	100	70	100
Gombak	85	68	100	71	84	69	81	66	78
Klang	12	13	100	14	100	7	54	6	50
Kuala Langat	107	105	100	110	100	99	93	95	89
Hulu Selangor	106	99	100	110	100	119	100	102	96
Sepang	40	45	100	59	100	59	100	56	100
<b>Selangor</b>	<b>419</b>	<b>418</b>	<b>100</b>	<b>443</b>	<b>100</b>	<b>449</b>	<b>100</b>	<b>428</b>	<b>100</b>

Daerah	Anggaran Kanak-Kanak Berumur 1-2 Tahun	MMR 12 Bulan	
		Bil	%
Petaling	30	36	100
Hulu Langat	67	64	96
Gombak	82	77	94
Klang	12	11	92
Kuala Langat	108	97	90
Hulu Selangor	138	100	72
Sepang	54	76	100
<b>Selangor</b>	<b>455</b>	<b>461</b>	<b>100</b>

\*Terdapat kawasan di mana bilangan yang disuntik adalah melebihi dari bilangan kanak-kanak kerana terdapat pergerakan kanak-kanak orang asli pergi ke kawasan lain dan mendapat suntikan di kawasan tersebut(kes tumpang).

\*BCG (Bacillus Calmetter-Guerin)

\*Difteria/Polio/Pertussis/Hemophilus Influenza Type B (DtaP/IPV/Hib Dos 3)

\*Campak/Beguk/Rubella (Measles/Mumps/Rubella (MMR)

\*Hepatitis B

- b) Buat masa ini, pemberian vaksinasi di atas tidak dipantau bagi orang dewasa. Walaubagaimanapun, pemantauan dilakukan bagi pengambilan imunisasi ATT (attenuated tetanus toxoid) bagi pencegahan penyakit kancing gigi (tetanus) ibu hamil di kalangan orang dewasa. Pada 2018 sebanyak 344 orang (84%) ibu hamil di kalangan Orang Asli di Selangor telah menerima suntikan imunisasi ATT. Antara faktor penyumbang kepada peratusan yang rendah dalam pengambilan suntikan imunisasi ATT adalah kerana berlaku keciciran pengambilan imunisasi di kalangan ibu hamil orang asli yang kerap berpindah randah .

Selain itu, terdapat juga kes ibu hamil yang keguguran sebelum menerima suntikan ATT menyebabkan pengurangan peratusan pengambilan suntikan ATT. Pemberian imunisasi dipantau melalui pelaksanaan *personalise care* di mana anggota jururawat kesihatan yang sama akan menjaga satu kawasan operasi. Pelaksanaan sistem ini akan membantu dalam mengukuhkan pemberian imunisasi di mana sebarang kes cicir akan dijalankan pengesanan kes cicir secara lawatan rumah oleh anggota jururawat yang menjaga kawasan tersebut.

Di samping itu, langkah mengawal keciciran adalah membuat pengesanan dan pemantauan keciciran yang lebih teliti serta bekerjasama dengan Tok Batin/Ketua Kampung bagi mengesan kes keciciran tersebut terutama bagi kes yang tiada di rumah semasa lawatan dilakukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PERANCANGAN TERKINI MENARA TINJAU (LOOK OUT POINT) BUKIT  
AMPANG**

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan terkini menara tinjau (look Out Point) Bukit Ampang?
  
- b) Jika ada, Bolehkah menetapkan satu tarikh bagi mengadakan satu taklimat kepada Adun Teratai dan Adun Dusun Tua?

**JAWAPAN:**

- a) Ampang Look Out Point (ALOP) terletak di kompartmen 79A dan 80, Hutan Simpan Hulu Langat seluas lebih kurang 7.04 hektar di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah. Ia telah ditubuhkan pada tahun 2001 sebagai salah satu destinasi pelancongan di Selangor disebabkan oleh lokasinya yang terletak di puncak bukit dengan pelbagai daya tarikan seperti menara pandang, restoran, kawasan istirahat yang membolehkan pengunjung melihat pemandangan bandaraya Kuala Lumpur.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah menyediakan satu Pelan Tindakan Pembangunan Ampang Look Out Point (ALOP) sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor pada tahun 2016 yang akan dibangunkan melalui model pengurusan dan pembangunan secara kerjasama atau perkongsian pintar iaitu *Public Private Partnership* (PPP).

Pelan Tindakan Pembangunan Semula Ampang Look Out Point (ALOP) akan dibangunkan merangkumi aspek pembangunan fizikal yang mengutamakan konsep reka bentuk infrastruktur dan kemudahan yang diintegrasikan bersama elemen pentadbiran, latihan, arboretum, rekreasi, ekopelancongan, penyelidikan dan pendidikan alam semula jadi. Ia akan dijadikan sebagai salah satu destinasi utama ekopelancongan bertaraf dunia yang boleh menjana hasil secara berterusan disamping berperanan sebagai pusat penyaluran maklumat dalam bidang ekosistem semula jadi Hutan Hujan Tropika di Malaysia.

- b) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Ampang Look Out Point (ALOP) sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor pada tahun 2016. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor akan menetapkan satu tarikh dan masa yang bersesuaian untuk mengadakan satu taklimat berhubung dengan status semasa dan perancangan Ampang Look Out Point (ALOP) kepada Y.B Teratai dan Y.B Dusun Tua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PENDIDIKAN STEM**

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah dan perancangan Kerajaan Negeri dalam menggalakkan Pendidikan STEM dalam kalangan murid di sekolah dan di luar sekolah?
  
- b) Adakah terdapat bantuan atau insentif kepada pihak sekolah bagi tujuan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah mula mengambil langkah untuk menggalakkan pendidikan STEM bermula pada tahun 2017 di mana program-program STEM dan Inovasi telah diserapkan dalam program Karnival Pendidikan Negeri Selangor pada tahun tersebut. Pada tahun 2018 Program STEM juga telah dilibatkan dalam Karnival pendidikan melalui Pertandingan Inovasi antara sekolah-sekolah dan pameran STEM dengan kerjasama *National STEM Movement*. Pameran ini telah dilaksanakan dengan kerjasama dengan pelbagai IPT dan berjaya menarik pengunjung daripada pelbagai lapisan umur masyarakat.

Selain itu, pada tahun 2019 Kerajaan Negeri telah menjadikan Program Pembangunan Inovasi dan Pendidikan sebagai salah satu agenda kepada pembangunan pendidikan Negeri Selangor. Oleh itu bagi melalui agenda ini beberapa program berasaskan STEM akan dilaksanakan antaranya ialah :

- Program Kem Sains dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Taman Botani Shah Alam dan Jawatankuasa Tetap Inovasi sempena Minggu Sains Negeri peringkat Negeri Selangor.
  
- Pertandingan Mono –teater STEM yang akan dilaksanakan bermula pada bulan Ogos nanti. Program ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menyampaikan idea dan buah fikiran mereka dengan menggunakan teknik penyampaian yang betul.



- Program pembangunan guru-guru STEM yang akan dilaksanakan pada bulan Ogos ini dan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pusat STEM Negara dan Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.
- b) Buat masa ini bantuan atau insentif yang diberikan kepada pihak sekolah bagi tujuan ini diberikan dalam bentuk program sebagaimana yang dinyatakan di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PENSIJILAN MSPO**

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Kerajaan Selangor untuk memastikan setiap pekebun kecil kelapa sawit di Selangor berjaya mendapat pensijilan MSPO menjelang 31 Disember 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Standard Bagi Pengeluaran Minyak Sawit Mampan Malaysia atau *Malaysia Standard For Sustainable Palm Oil Production* (MSPO) dijalankan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah berbentuk mandatori telah mula diwajibkan kepada sektor ladang dan kilang sawit pada 2018 dan semua pekebun kecil sawit menjelang 31 Disember 2019. Tujuan utama MSPO adalah untuk memastikan pengeluaran sawit yang mampan dan diterima oleh pasaran global. Negeri Selangor mempunyai 5,107 pekebun kecil sawit dengan keluasan 11,504 hektar tanaman sawit yang telah direkodkan. MPOB telah menubuhkan Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) bagi memudahkan pendaftaran untuk pensijilan MSPO kepada semua pekebun kecil. Kerajaan Persekutuan melalui MPOB juga menyediakan insentif sebanyak RM 135 sehektar bagi kos pelaksanaan pensijilan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BANGUNAN TERBENGGALAI**

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dari pihak Kerajaan untuk membaik pulih atau menyiapkan bangunan-bangunan yang terbengkalai di sekitar jalan Selayang ke Rawang?

**JAWAPAN:**

- a) Di peringkat PBT tiada peruntukkan undang-undang yang boleh digunakan oleh PBT untuk mengambil tindakan kepada pemaju yang terlibat dalam projek-projek yang terbiar dan terbengkalai. Pengesahan sesuatu projek itu terbengkalai, sakit atau lambat adalah di bawah bidangkuasa KPKT yang mengeluarkan lesen pembinaan kepada pemaju. PBT akan bekerjasama dengan KPKT dan LPHS dalam mengenalpasti projek-projek yang di dapati terbengkalai. Walau bagaimanapun Pihak Berkuasa Tempatan telah di minta untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pemantuan Projek-Projek Terbengkalai selaras dengan keputusan MMKN pada 12 Jun 2019 di mana Kerajaan Negeri telah meluluskan Penubuhan Jawatankuasa Kecil Pemulihan Projek Terbengkalai Pihak Berkuasa Tempatan (JKPPT) di Negeri Selangor. Jawatankuasa ini akan melaporkan secara berkala status projek-projek terbengkalai yang telah disahkan oleh KPKT dan LPHS kepada Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : ISU PEMBAHAGIAN TANAH LOT KEPADA KAUM INDIA DI KAMPUNG  
SUNGAI YU, TANJONG KARANG**

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini berkenaan isu pengagihan tanah lot kepada kaum India di Kampung Sungai Yu, Tanjong Karang?

**JAWAPAN:**

- a) Pemberimilikan Tanah di Kampung Sungai Yu masih tergantung kerana terlibat dengan siasatan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak dari 4 Disember 2017. Fail – fail yang berkaitan dengan isu Pemberimilikan Tanah di Kampung Sungai Yu masih berada di dalam simpanan SPRM Putrajaya. Maka pemberimilikan tanah tersebut masih debekukan sehingga menerima keputusan siasatan SPRM mengikut maklumat terkini yang diberikan oleh Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : SEKOLAH TAHFIZ NEGERI SELANGOR**

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pusat/sekolah tahfiz swasta yang telah berdaftar dan berapakah jumlah bilangan pelajar yang terlibat?
- b) Berapakah pusat/sekolah tahfiz swasta yang masih belum berdaftar?
- c) Apakah tindakan penguatkuasaan dan usaha Kerajaan dalam memastikan semua pusat/sekolah tahfiz ini didaftarkan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pusat/ sekolah tahfiz swasta yang telah berdaftar adalah **369 buah** sekolah dan melibatkan seramai **18,963 orang pelajar**.
- b) Sekolah tahfiz swasta yang masih belum berdaftar adalah **22 buah** sekolah.
- c) Bagi memastikan semua sekolah tahfiz swasta dapat didaftarkan, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan beberapa tindakan seperti;
  - i. Menerbit dan mengedar **Buku Panduan Pengurusan Am (Penubuhan & Pendaftaran) Sekolah Agama Islam Negeri Selangor** bagi memandu dan membimbing pengendali sekolah tahfiz swasta menguruskan pendaftaran mengikut tatacara yang ditetapkan.
  - ii. Pemantauan khas ke seluruh Negeri Selangor bagi menyemak status pendaftaran sekolah tahfiz swasta yang dapat dikenalpasti.
  - iii. Menganjurkan Seminar, taklimat, forum dan dialog dengan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Persatuan-persatuan Maahad Tahfiz di Negeri Selangor (PITAS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KUALITI TURAPAN JALAN**

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan dalam memantau kualiti turapan jalan?
- b) Apakah tindakan yang diambil terhadap kontraktor yang tidak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan?
- c) Mengapakah jalan yang baru diturap pecah semula dalam waktu yang singkat?

**JAWAPAN:**

- a) Garis panduan telah tersedia ada bagi memantau kualiti turapan jalan. Pemantauan kualiti kerja-kerja turapan oleh JKR Negeri Selangor dilakukan berdasarkan kepada Standard Operating Procedure (SOP) Senggara Jalan dan juga spesifikasi turapan jalan yang dikeluarkan oleh Cawangan Senggara Fasilitas Jalan, Ibupejabat JKR Malaysia. Antara panduan dalam SOP tersebut:
  - i) Kerja penampalan sementara untuk potholes akan dilaksanakan dalam **tempoh 24 jam** dan penampalan kekal akan dilaksanakan dalam **tempoh 3 hari**.
  - ii) Rondaan audit sentiasa dilakukan melibatkan JKR Daerah dan konsesi bagi memantau keadaan jalan sebenar di tapak.
  - iii) Bagi mengawal aspek kualiti, JKR Selangor mengambil tindakan dengan melaksanakan audit kuari untuk memastikan campuran asphalt yang digunakan adalah mengikut spesifikasi dan mempunyai ketahanan.
  - iv) Kerajaan Negeri bercadang untuk mensyaratkan akreditasi khas ke atas kontraktor yang menjalankan kerja-kerja turapan jalan.

- b) Antara tindakan yang diambil terhadap kontraktor adalah seperti berikut:
- i) Membuat pemotongan kepada tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh pihak kontraktor.
  - ii) Pihak kontraktor akan dikenakan denda atau *Non Conformance Report* (NCR) kepada kontraktor yang tidak mematuhi garis panduan ditetapkan.
  - iii) Kontraktor yang mempunyai rekod buruk tidak akan dipertimbangkan di dalam projek-projek yang akan datang.
- c) Faktor-faktor mengapa jalan baru diturap rosak semula dalam waktu yang singkat seperti yang didakwa adalah seperti berikut;
- i) Keadaan tanah semulajadi di Negeri Selangor (*Marine Clay*) dan tanah gambut yang tidak dapat menampung beban lebih muatan kenderaan di Negeri Selangor terutama di Daerah Klang, Kuala Langat dan Kuala Selangor.
  - ii) Faktor pertambahan bebanan trafik dan kenderaan berat lebih muatan yang melalui jalan tersebut menyebabkan berlakunya kegagalan pada struktur jalan berkenaan.
  - iii) Kerja – kerja korekan jalan yang dilakukan oleh pihak utiliti turut menjadi punca jalan – jalan berlubang. Setelah kerja – kerja pemasangan kabel paip dilakukan, jalan berkenaan tidak diturap dengan baik dan ia menyebabkan jalan menjadi lebih mudah rosak.

Kerja-kerja penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan bukanlah bertujuan untuk menambah jangka hayat jalan berkenaan. Ia juga bukan penyelesaian sebenar ke atas masalah kerosakan jalan yang sering dihadapi. Bagi menjamin jangka hayat yang lebih panjang, kerja-kerja menaiktaraf (pengukuhan) perlu dilaksanakan ke atas jalan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PENGGUNAAN STRAW**

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan cara-cara Kerajaan untuk mengawal penggunaan straw.
  
- b) Apakah tindakan Kerajaan untuk peniaga degil?

**JAWAPAN:**

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan soalan No. 4 daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu berkaitan kempen bebas plastik.

- a) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk mengadakan larangan terhadap beg plastik dan polisterina pada setiap hari bermula 1 Januari 2017. Melalui kempen yang dilancarkan ini, kutipan caj terhadap penggunaan beg plastik adalah bertujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan. Caj ini dikenakan oleh peniaga-peniaga di premis-premis perniagaan yang menyediakan beg plastik khususnya dalam skala yang besar kepada pengguna, seperti di pasar raya, *super mart*, pasar raya mini dan sebagainya.

Pada 1 Julai 2019 juga, Kerajaan Negeri telah melancarkan kempen #BebasStrawPlastik bagi tujuan penjagaan alam sekitar terhadap penggunaan straw plastik yang semakin meningkat. Melalui kempen ini, peniaga tidak dibenarkan untuk menyediakan straw plastik secara automatik atau '*default*' bagi setiap minuman yang dipesan. Peniaga juga dilarang menyediakan straw plastik di kaunter untuk diambil secara bebas dan hanya adakan diberikan atas permintaan pelanggan secara percuma.

Dasar-dasar dan kempen yang diadakan ini adalah selaras dengan pelan tindakan yang digariskan di dalam *Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030* yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018.



- b) Pada masa ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengedarkan notis pematuhan kepada peniaga bagi pelaksanaan kempen #Bebasplastik oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kriteria ini juga telah dimasukkan di dalam borang pemeriksaan Peniaga Terbaik Pasar Ramadhan sebagai salah satu kriteria bagi menggalakan pengurangan penggunaan plastik dikalangan peniaga .

Pihak PBT juga membuat semakan terhadap pemilik premis perniagaan dan akan mengeluarkan Notis Pematuhan Syarat (NPS) kepada pemilik premis perniagaan yang tidak mematuhi syarat larangan penggunaan plastik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERISYTIHARAN HARTA WAKIL RAKYAT**

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mengikut jejak Kerajaan Persekutuan untuk mewajibkan Wakil Rakyat isytihar harta dengan mengikuti prosedur MACC?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : LOJI AIR TERAWAT**

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah tangki / reservoir air terawat di Negeri Selangor dan apakah jumlah kapasiti keseluruhannya?
- b) Berapakah tangki ini yang mengalami masalah, gangguan, kerosakan atau tidak berfungsi?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah tangki/kolam air terawat di Negeri Selangor termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 1,572 buah dengan kapasiti 4,182 juta liter.
- b) dapat sebanyak 144 buah tangki air terawat/kolam yang mengalami masalah dan Air Selangor telah merangka Pelan Perancangan 10 tahun bagi membaikpulih tangki air/kolam yang menghadapi kerosakan dan tidak berfungsi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : HAD UMUR BELIA**

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah justifikasi kerajaan untuk tidak menurunkan had umur belia kepada 30 tahun sepertimana pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 yang baru diluluskan?

**JAWAPAN:**

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no. 120 daripada Y.B. Bukit Lanjan dan soalan no. 177 daripada Y.B. Balakong :

- a) Kerajaan Negeri meneliti dengan rapat pindaan Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668) yang menghadkan umur belia dari 40 ke 30 tahun seperti yang telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Kedudukan belia tidak disebut dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan malah senarai-senarai negeri dan persekutuan, iaitu senarai 1, 2 dan 3 tidak menyebut langsung tentang definisi belia. Dengan kata lain, negeri tidak terikat kepada akta atau peraturan yang ditetapkan oleh persekutuan berkaitan belia.

Bagi pertubuhan yang didaftarkan dibawah pendaftar belia adalah tertakluk kepada akta pertubuhan yang baharu.

Persoalannya adalah dimanakah tafsiran belia di bawah Kerajaan Negeri? Jawapannya adalah belia negeri ditafsirkan dalam Dasar Belia Negeri Selangor yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2014 yang menyatakan umur memegang jawatan bagi belia adalah 15-30 tahun. Walaubagaimanapun, program-program atau insentif-insentif Kerajaan Negeri merangkumi mereka yang berumur sehingga 40 tahun, seperti Insentif Perkahwinan Belia dan lain-lain insentif yang Kerajaan Negeri berpandangan diperlukan.

Ini kerana sebahagian besar belia Selangor berumur 30 tahun ke atas masih aktif dalam program pembangunan belia, aktiviti sukan dan program '*outdoor*' dan Selangor tidak akan meminggirkan mereka.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dan kekal komited bersama Kementerian Belia dan Sukan serta pertubuhan-pertubuhan belia lain dalam setiap usaha pembangunan belia di Selangor secara khasnya dan Malaysia secara amnya.

Sekiranya Yang Berhormat mempunyai cadangan lain, saya harapkan cadangan itu boleh dimasukkan dalam perbincangan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : LRA SEMENYIH 2, LANGAT 2 DAN LABOHAN DAGANG**

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan projek loji rawatan air tersebut?
  
- b) Sejauh manakah operasi LRA tersebut dapat menampung peningkatan penggunaan air di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Projek LRA Semenyih 2 telah siap dan dioperasikan oleh Air Selangor mulai pada 01 Mac 2018 manakala Projek LRA Labohan Dagang yang juga telah siap pembinaannya akan mula dioperasikan oleh Air Selangor pada 01 Ogos 2019. Bagi pembinaan LRA Langat 2 (Fasa 1) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Kerajaan Negeri Selangor dimaklumkan keseluruhan pembinaannya telah mencapai 76.90%. Pada ketika ini, kerja-kerja pengujian dan pentauliahian loji sedang dilaksanakan oleh PAAB mulai pada 09 Julai 2019 yang dijadualkan akan berlangsung selama 3.5 bulan.
  
- b) Pada tahun 2018, purata pengeluaran air bersih dari 33 Loji Rawatan Air sedia ada dapat membekalkan sebanyak 4,862 JLH air terawat manakala kapasiti boleh agih adalah sebanyak 5,127JLH. Rizab simpanan air pada tahun 2018 adalah pada kadar 5.2 % dengan mengambil kira sumbangan dari LRA Semenyih 2 yang mula beroperasi pada 01 Mac 2018 berbanding tahun 2017 pada kadar 3.7% sahaja.

Mengikut unjuran yang dibuat oleh Air Selangor, purata kadar simpanan air untuk tempoh setakat 30 Jun 2019 adalah pada kadar 2.4%. Unjuran ini dibuat dengan mengambil kira peningkatan permintaan penggunaan air yang dianggarkan sebanyak 3.5% setahun. Kadar simpanan ini dapat ditingkatkan apabila LRA Labohan Dagang Fasa 1 beroperasi pada bulan Ogos 2019 dan diikuti dengan kemasukan air bersih sebanyak 325JLH dari LRA Langat 2 yang dijangkakan pada bulan Oktober 2019 yang akan menjadikan kadar simpanan meningkat hingga

7.76%. Tanpa sumbangan dari loji LRA Langat 2 ini, kadar simpanan air bersih diunjurkan hanya sebanyak 1.2% pada bulan Oktober 2019. Ini menunjukkan bahawa operasi LRA baru dapat menampung peningkatan penggunaan air di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : WARISAN BUDAYA BANGSA**

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mengekalkan dan mengangkat warisan adat budaya bangsa?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) sentiasa berusaha berterusan dalam melaksanakan program-program penyelidikan, pelestarian dan pembangunan warisan di negeri ini. Identiti sesuatu bangsa, dikenalpasti dari bahasa pertuturan dan budayanya. Kajian-kajian dan pencerakinan melalui berbagai kaedah telah, sedang dan akan diteruskan untuk proses mengenalpasti dan seterusnya memartabatkannya. Walau bagaimanapun kewujudan masyarakat majmuk di Selangor telah menjadikan elemen-elemen di atas bercampur baur dan sukar untuk dikenalpasti. Peringkat pertama pertembungan ini berlaku apabila kaum-kaum dari luar Semenanjung Tanah Melayu mulai berhijrah dan menetap di Negeri Selangor iaitu pada zaman sebelum dan selepas Peang Dunia Kedua. Peringkat kedua ialah selepas kemerdekaan dimana berlaku penghijrahan kaum-kaum dari negeri-negeri didalam semenanjung sendiri, disebabkan tarikan peluang pekerjaan yang terbuka luas di Negeri Selangor.

Untuk makluman, sehingga kini bahasa pertuturan di Selangor adalah menggunakan Bahasa Melayu standard, walau pun terdapat amalan menggunakan bahasa kaum masing-masing mengikut daerah-daerah tertentu. PADAT juga menyedari akan berlakunya kepupusan loghat-loghat bahasa kaum-kaum yang ada di Selangor, justeru sedang berusaha bagi mencari kaedah penyelesaiannya.

Budaya yang didefinisikan sebagai amalan hidup sesuatu kaum meliputi ruang lingkup yang amat luas. Budaya termasuk “budaya tampak” dan “budaya tidak tampak”. Dasar kita adalah menerima semua budaya setiap kaum untuk diamal dan disebar-luaskan dimana tidak bertentangan dengan akidah dan budaya timur. Sehingga kini PADAT telah banyak menjalankan kajian-kajian diseluruh daerah di



negeri ini, yang merangkumi bidang-bidang budaya tampak seperti adat-adat yang melibatkan perkahwinan, beranak, kematian dan kenduri-kendara, seterusnya budaya tidak tampak seperti muzik, tarian, puisi, syair, senibina dan sebagainya. Kedua-dua jenis budaya ini apabila kita rungkai ianya akan meliputi makanan, pakaian, kepercayaan dan bagaimana ianya berasimilasi diantara kaum serta penyesuaiannya dengan alam persekitarannya.

Pihak PADAT telah pun mengambil inisiatif kearah mewujudkan satu kertas “Dasar Kebudayaan Negeri Selangor” yang dapat memartabatkan identiti ini hingga keperingkat antarabangsa. Buat peringkat awalnya “Konvensyen Identiti Selangor” telah diadakan pada 2011 dengan fokusnya berkaitan bidang-bidang makanan, kebudayaan dan senibina. Hasil dari konvensyen ini telah diangkat keperingkat Kerajaan Negeri pada tahun 2014 dan diistiharkan sebagai identiti Selangor iaitu bagi baju kebaya labuh Selangor, seni telepok dan seni kelingkan.

Bagi program pembudayaan, mulai tahun lepas PADAT telah menganjurkan Festival Masakan dan Makan Selangor, Festival Seni Silat, Festival Senitari dan Program Senada yang diadakan setiap malam minggu di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Kemuncaknya selaras dengan inspirasi Kerajaan Negeri, PADAT akan menganjurkan 3 program serentak pada bulan Disember yang akan datang. Program tersebut ialah Konvensyen Identiti Selangor, Festival Alam Melayu dan penubuhan “Shah Alam Modern Arts Gallery”. Program ini akan menggabungkan pengamal budaya dan kraf seluruh Selangor, Malaysia dan Nusantara yang serumpun. Melalui program ini, PADAT akan menyediakan tapak untuk penggiat seni dan budaya berkarya sambil membuat jualan di 150 buah gerai-gerai sementara dan 20 buah gerai tetap.

Pelan jangka panjang PADAT adalah untuk menjadikan kompleks Muzium Sultan Alam Shah, sebagai hub kesenian dan kebudayaan serta memberikan tapak untuk pengusaha-pengusaha memasarkan produk-produknya. Disamping dapat melestarikan warisan ini, ianya akan diangkat sebagai salah satu pusat pelancongan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : SUBSIDI AIR 20M3**

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri akan meneruskan subsidi air 20m3 air kepada semua pengguna di Selangor?
  
- b) Sekiranya keadaan mendesak, adakah perancangan Kerajaan Negeri untuk hanya memberi subsidi hanya kepada pengundi di Selangor sahaja?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Tuan Speaker,

1. Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong (Soalan No. 250), Yang Berhormat Bukit Lanjan (Soalan No. 259), Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 262) dan Yang Berhormat Semenyih (Soalan No. 266).
2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor masih meneruskan Program Pemberian Air Percuma sebanyak 20 meter padu kepada semua pengguna di Negeri Selangor.
3. Objektif pelaksanaan Program Pemberian Air Percuma ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat Negeri Selangor, khususnya kepada golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun program ini telah dapat dinikmati oleh semua peringkat pendapatan. Bagi memastikan program ini menepati objektif perlaksanaannya dan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah perbelanjaan yang lebih berhemah, Dewan Negeri Selangor pada 23 November 2018 telah meluluskan supaya penajajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebenar Inisiatif Peduli Rakyat Kerajaan Negeri dengan menyasarkan bantuan

kepada kumpulan sasar iaitu golongan yang benar-benar memerlukan dan layak.

4. Kerajaan Negeri masih meneliti dan memperhalusi mekanisme yang akan digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasar khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : BANTUAN SIHAT SELANGOR**

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan IPR Bantuan Sihat Selangor mencapai objektifnya?
  
- b) *Sub-soalan telah di tolak*

**JAWAPAN:**

- a) Objektif Bantuan Sihat Selangor adalah untuk membantu meringankan beban kewangan golongan berpendapatan rendah bagi menjalani rawatan kesihatan seperti rawatan dialisis, rawatan kanser, pembedahan katarak mata, pembedahan kecil di hospital kerajaan, pembelian kaki palsu dan pembelian susu dan lampin bagi golongan sakit terlantar. Bantuan ini adalah sebagai sumbangan dan bukanlah satu tajaan atau tanggungan terhadap seseorang pesakit. Sehingga 19 Julai 2019, terdapat 1,150 permohonan yang telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.5 juta bagi tahun 2019.

Bagi mengatasi masalah tempoh masa kelulusan yang agak lama, pihak Kerajaan Negeri berharap agar semua permohonan perlulah dikemukakan sebulan sebelum tarikh pembedahan bagi memberi masa yang secukupnya untuk proses semakan dan kelulusan. Tempoh ini adalah tempoh yang selesa bagi permohonan yang tidak lengkap dan perlu mengemukakan semula dokumen yang diperlukan sebelum kelulusan diberikan. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat kecemasan, proses kelulusan boleh dipercepatkan dengan syarat semua dokumen adalah lengkap.

Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan untuk menambahbaik sistem Bantuan Sihat Selangor sedia ada bagi mempercepatkan proses semakan dan kelulusan setiap permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : TASIK COVA KOTA DAMANSARA - PENYELENGGARAAN**

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak isu ini dibawa di dalam sidang DUN pada sesi 2018, sejauh manakah Kerajaan Negeri telah berusaha menyelesaikan masalah tersebut?
  
- b) Bilakah dijangka masalah yang telah berpanjangan ini dapat diselesaikan?

**JAWAPAN:**

- a) Pembangunan Tasik Cova telah dilaksanakan oleh pihak Tetuan Pharma Excel Sdn. Bhd. dan melalui Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada Januari 2007, pihak pemaju telah disyaratkan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan selama 20 tahun sehingga tahun 2027. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penyelenggaraan Tasik Cova tidak pernah dilaksanakan sama sekali oleh pihak pemaju dan keingkaran pihak pemaju telah menyebabkan Tasik Cova kelihatan terbiar dan menjadi habitat haiwan liar.

Isu ini telah berlanjutan sekian lama dan mengganggu ketenteraman penduduk di sekitar kawasan Tasik Cova. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui MBPJ dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengadakan beberapa sesi perbincangan bagi menyediakan kertas pemakluman MTES bagi tujuan untuk mendapatkan pendirian Kerajaan Negeri berhubung isu penyelenggaraan ini yang akan melibatkan kos yang agak tinggi sekiranya perlu dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Dianggarkan sejumlah RM9.2 juta diperlukan bagi pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan secara kolaborasi diantara MBPJ dan JPS merangkumi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur hidraulik dan landskap mengikut kepakaran Jabatan masing-masing.

Status terkini bagi penyediaan kertas pemakluman tersebut adalah di peringkat perincian kos bagi semua kerja-kerja yang terlibat sebagaimana ulasan oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor sebelum ianya dibentangkan di MTES.

- b) Buat masa ini pihak JPS sedang meneliti kaedah yang paling sesuai bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan di Tasik Cova dan berdasarkan kepada keadaan mendapan yang banyak di kawasan tersebut, terdapat kebarangkalian untuk kerja-kerja selenggara dan mengeluarkan mendapan ini turut dilaksanakan oleh pihak KSSB namun ianya masih tertakluk kepada keputusan dan kelulusan dari pihak Kerajaan Negeri sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : JALAN-JALAN MARRIS DI BAWAH DUN BANDAR UTAMA**

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukkan MARRIS untuk DUN Bandar Utama pada tahun 2018 tahun 2019?
  
- b) Senaraikan jalan-jalan bawah DUN Bandar Utama yang sudah diselenggarakan dan belum diselenggarakan setakat ini.

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah peruntukan MARRIS untuk DUN Bandar Utama pada tahun 2018 dan 2019:
  - i) 2018: RM 5,348,377.40
  - ii) 2019: RM 4,159,000.00
  
- b) Sila rujuk lampiran B